



JABATAN PERDANA MENTERI
PEJABAT KETUA PEGAWAI KESELAMATAN KERAJAAN MALAYSIA



**BULETIN
ILKEM**
EDISI 3/2022



PERUTUSAN KETUA PENGARAH KESELAMATAN KERAJAAN

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamu'laikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Keluarga CGSO.

Alhamdulillah, segala puji dan rasa penuh kesyukuran kepada Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya, Buletin ILKEM Edisi Ketiga dapat direalisasikan dengan penuh jayanya. Syukur saya dapat mengungkapkan sepatchah dua kata di dalam Buletin ILKEM Edisi Ketiga ni.

Pada kesempatan ini, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada sidang redaksi Buletin ILKEM. Saya amat menghargai dedikasi dan kesungguhan sidang redaksi Buletin ILKEM dalam merealisasikan penerbitan Buletin ini. Penerbitan Buletin ILKEM ini merupakan satu kebanggaan kepada CGSO dan mencerminkan kesungguhan CGSO dalam menggembangkan tenaga untuk menjayakan budaya kerja berpasukan.

Matlamat utama penerbitan Buletin ini adalah sebagai satu saluran untuk menyampaikan informasi penting kepada penjawat awam khususnya maklumat penting berkaitan pengurusan keselamatan perlindungan. Besar harapan saya agar Buletin ILKEM Edisi Ketiga ini dapat menjadi sumber rujukan penting kepada penjawat awam.

Buletin ini juga merupakan medium komunikasi penting untuk berkongsi informasi – informasi terkini daripada ILKEM dan pelbagai program/ bengkel/ kursus/ latihan yang dirancang dan dilaksanakan. Buletin ILKEM Edisi Ketiga ini juga merupakan jambatan perhubungan untuk mendidik penjawat awam berkenaan budaya keselamatan dalam bentuk penulisan ilmiah. Mudah – mudahan dengan penerbitan Buletin ini akan terus menyuburkan budaya keselamatan dalam jiwa penjawat awam khususnya kakitangan CGSO.

Semoga ILKEM dapat terus meningkatkan kualiti perkhidmatan dalam penyampaian ilmu bermanfaat kepada semua penjawat awam. Pembudayaan ilmu seperti ini penting bagi merealisasikan Budaya Kerja Kelas Pertama dalam kalangan penjawat awam, bukan hanya tertumpu kepada kakitangan CGSO sahaja. Semoga ILKEM dapat terus menempa nama sebagai salah satu institut latihan awam yang terkemuka di negara ini.

Sekali lagi sekalung tahniah diucapkan kepada ILKEM di atas kejayaan menerbitkan Buletin ILKEM Edisi Ketiga. Buletin ini merupakan wadah penghubung penting dalam memupuk budaya keselamatan di kalangan penjawat awam khususnya warga CGSO. Tinggi harapan saya agar Buletin ILKEM dapat diteruskan dengan kualiti yang diperhebatkan lagi.

Sekian, terima kasih.

**YBrs. Tuan Rahimi bin Ismail
Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan**



Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Keluarga
Malaysia

Alhamdulillah , setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pengunjung dan pelanggan kerana sudi melayari Buletin ILKEM di dalam portal CGSO serta portal ILKEM. Sejajar dengan perkembangan semasa yang menekankan kepada penggunaan ICT dalam urusan seharian, ILKEM komited dengan menyediakan Buletin yang mesra pengguna dalam penyampaian perkhidmatannya.

Harapan saya agar Buletin ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya sebagai salah satu medium interaksi di antara warga ILKEM dan pelanggan mengenai latihan dan peperiksaan. Buletin ILKEM ini diwujudkan antara lain adalah sebagai sumber rujukan dan maklumat mengenai segala aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan oleh Institut Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia (ILKEM) dari bulan ke bulan pada tahun 2022.

Segala aturan dan dasar yang dirangka ini tidak akan dapat dilaksanakan tanpa sokongan padu daripada Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO) yang sentiasa menyokong ILKEM dalam mencapai perkhidmatan yang cemerlang.

Akhir kata, saya berharap agar Buletin ini akan menjadi gelanggang perkongsian ilmu kepada sesiapa sahaja yang melayarnya secara tidak langsung dan langsung. Saya juga mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua sidang redaksi Buletin ILKEM yang bertungku lumus dan komited dalam menyiapkan sekaligus dapat memenuhi tahap kepuasan dan kehendak pelanggan.

Sekian,Wassalam.

Encik Ahmad Shaharuddin bin Muhammad
Pengarah ILKEM
CGSO

PERUTUSAN PENGARAH ILKEM



SIDANG REDAKSI BULETIN ILKEM EDISI 3/2022

PENAUNG

YBrs. Tuan Rahimi bin Ismail

PENASIHAT

YBrs. Puan Julaila binti Engan

KETUA PENGARANG

Encik Ahmad Shaharuddin bin Muhammad

PEGAWAI PENYELARAS


Encik Shamsir bin Md Saleh
Puan Harafeah binti Harun

PEREKA GRAFIK

Encik Yuhaizan bin Yunus

PERKONGSIAN ILMU

PELAKSANAAN PENGKOMPUTERAN AWAN DI DALAM PERKHIDMATAN AWAM



KLASIFIKASI MAKLUMAT ATAU DATA

Akta Rahsia Rasmi 1972 [Akta 88] dan Arahan Keselamatan (Semakan dan Pindaan 2017) secara asasnya menyatakan beberapa pre-defined rules di dalam proses pengelasan maklumat berdasarkan kepada nilai, impak dan sensitiviti. Bagi memberi kefahaman awal, antara kategori maklumat dan tahap pengelasan maklumat yang sering diuruskan oleh Jabatan di bawah perkhidmatan awam adalah seperti berikut:

1

RAHSIA
RASMI

2

RASMI

3

DATA
TERBUKA

Rahsia Rasmi

Rahsia Rasmi mempunyai erti seperti yang diberikan kepada takrifan “rahsia rasmi” di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972 [Akta 88] iaitu “apa-apa suratan yang dinyatakan dalam Jadual dan apa-apa maklumat dan bahan yang berhubungan dengannya dan termasuklah apa-apa suratan rasmi, maklumat dan bahan lain sebagaimana yang boleh dikelaskan sebagai “Rahsia Besar”, “Rahsia”, “Sulit” atau “Terhad”, mengikut mana-mana yang berkenaan, oleh seorang Menteri, Menteri Besar atau Ketua Menteri sesuatu Negeri atau mana-mana pegawai awam yang dilantik dibawah seksyen 2B.”

Rasmi

Rasmi adalah berhubungan dengan perkhidmatan awam. Maklumat rasmi yang diwujudkan, digunakan, diterima atau dikeluarkan secara rasmi oleh mana-mana Jabatan Kerajaan semasa menjalankan urusan rasmi. Ianya juga merupakan rekod awam yang tertakluk di bawah peraturan-peraturan Arkib Negara. contoh bagi maklumat rasmi Kerajaan, Kewangan,Kesihatan,Percukaian,Pengenalan Peribadi (*PII* atau *Personally Identifiable Information*). Maklumat Rasmi seperti di atas juga boleh menjadi rahsia rasmi sekiranya pemula (pemilik data) membuat tafsiran risiko yang sepadan dengan salah satu peringkat keselamatan rahsia rasmi yang dimaksudkan. Pelepasan dan pemilikan perkara rasmi tanpa kebenaran daripada pemula juga menjadi satu kesalahan seperti mana tertakluk di bawah undang-undang dan peraturan-peraturan semasa. Sebagai contoh seksyen 203A, Kanun Keseksaan.

Data Terbuka

Data Terbuka adalah maklumat rasmi yang telah dibuat saringan dan pengesahan di peringkat pemula data untuk bebas digunakan, dikongsi serta digunakan semula oleh orang awam, agensi Kerajaan dan organisasi swasta untuk pelbagai tujuan. Jabatan hendaklah mematuhi pekeliling berhubung data terbuka yang sedang berkuat kuasa.



PERENGGAN 139 :ARAHAN KESELAMATAN (SEMAKAN DAN PINDAAN 2017)

Penggunaan pengkomputeran awan (cloud computing) seperti perkongsian maklumat, pemprosesan data dan sebagainya bagi tujuan rahsia rasmi tidak dibenarkan sama sekali kecuali pengkomputeran awan yang dibangunkan dan dibenarkan oleh pihak Kerajaan dan tertakluk kepada arahan-arahan yang dikeluarkan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa.

BULETIN ILKEM EDISI 3/2022

Penyerahan Pinjaman Bahan Bacaan Antara Pusat Sumber ILKEM Dan Perpustakaan Politeknik Port Dickson 01 Julai 2022



Bengkel Pembangunan Klasifikasi Fail (KF) Ke Arah Pelaksanaan **DIGITAL DOCUMENT MANAGEMENT SYSTEM (DDMS) TAHUN 2022**
04 – 06 Julai 2022



Majlis Apresiasi Petugas Konvensyen Keselamatan Perlindungan Peringkat Kebangsaan
Tahun 2022 pada 07 Julai 2022



BULETIN ILKEM EDISI 3/2022

Sesi taklimat sistem pegawai bertugas di jabatan untuk warga ILKEM pada 18 JULAI 2022



Mesyuarat Institut Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia Bil. 3/2022 Dan Majlis Penyerahan Sijil Sumbangan Buku Pusat Sumber ILKEM 29 Julai 2022



BULETIN ILKEM EDISI 3/2022

KURSUS PEMAHAMAN MANUAL PENJELASAN LANJUT ARAHAN KESELAMATAN (SEMAKAN DAN PINDAAN 2017) SIRI 2/2022

Kursus ini telah dijalankan pada 05 & 06 Julai 2022 di Bilik Toturial 6, Blok Akademik, ILKEM dan telah dihadiri oleh 21 orang peserta terdiri daripada Gred KP41-KP29



Peperiksaan Untuk Memasuki Skim Perkhidmatan Pembantu Keselamatan Gred KP19 (PSL) di JPM dan Pelbagai Kementerian pada 21 Julai pada 2022 Jumlah calon - 85 orang



Peperiksaan Untuk Memasuki Skim Perkhidmatan Penolong Pegawai Keselamatan Gred KP29 (PSL) di JPM dan Pelbagai Kementerian pada 11 Ogos 2022 Jumlah Calon - 21 Orang



MAJLIS APRESIASI ANUGERAH PENARAFAN BINTANG SASARAN PENTING (ABPSP) TAHUN 2021.

Majlis Apresiasi Anugerah Penarafan Bintang Sasaran Penting (ABPSP) Tahun 2021 anjuran bersama Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO) dan Kementerian Dalam Negeri serta Petronas telah berlangsung di Le Meridien, Kota Kinabalu. Majlis yang julung kali diadakan pada 11 Ogos 2022 telah dirasmikan oleh YB. Datuk Jonathan bin Yasin, Timbalan Menteri Dalam Negeri II. Turut hadir bersama ke majlis ini ialah YBhg. Dato' Hj Abdul Halim bin Hj Abdul Rahman, Timbalan Ketua Setiausaha (Keselamatan) Kementerian Dalam Negeri, YBrs. Tuan Rahimi bin Ismail, Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan dan YBhg. Dato' Sri Zulkifli bin Abdullah, Pengurus Besar Kanan Keselamatan Petronas. 15 pepasangan Sasaran Penting seluruh Malaysia telah menerima Anugerah Penarafan Bintang yang telah memenuhi kriteria Keselamatan Perlindungan manakala anugerah khas Perdana berjaya dirangkul oleh sebuah instalasi milik TNB di Perak. Tahniah diucapkan kepada penerima anugerah ABPSP. Dengan anugerah yang diterima, semoga ia menjadi pemangkin semangat kepada semua pihak untuk terus konsisten dalam memastikan tahap keselamatan dan pepasangan Sasaran Penting sentiasa dalam keadaan terbaik.

“Revolusi Digital Perkasa Daya Tahan Sasaran Penting Negara”.



BULETIN ILKEM EDISI 3/2022

KURSUS PENGUKUHAN KEPADA KETUA PENGUJI BAGI TUJUAN PEMERIKSAAN FIZIKAL, PANCAINDERA DAN KECERGASAN, PENGAMBILAN LANTIKAN BAHARU CGSO.

23 Ogos 2022 - Kursus Pengukuhan kepada Ketua Penguji dan Pegawai Naziran CGSO telah diadakan bertempat di Auditorium, ILKEM, Bandar Baru Enstek, Negeri Sembilan. Kursus ini bertujuan untuk memberi pendedahan dan pengukuhan kepada Ketua Penguji dan Pegawai Naziran CGSO mengenai maklumat terkini urusan pemeriksaan fizikal, pancaindera dan kecergasan yang telah ditetapkan oleh pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA). Semoga kursus ini dapat memberi impak yang lebih baik dalam melancarkan program pengambilan lantikan baharu CGSO di masa hadapan.



Lawatan Pihak Universiti Islam Antarabangsa (UIA) ()ke Institut Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia (ILKEM) pada 22 Ogos 2022



BULETIN ILKEM EDISI 3/2022

EXECUTIVE TALK “ANCAMAN LUAR GUGAT KESELAMATAN NEGARA” OLEH YBHG. PROF. MADYA DR. AZMI BIN HASSAN, PENGANALISIS KESELAMATAN DAN POLITIK DI INSTITUT LATIHAN KESELAMATAN PERLINDUNGAN MALAYSIA (ILKEM) PADA 26 OGOS 2022



Kelas Bimbingan bagi Peperiksaan Perkhidmatan Pengawal Keselamatan Gred KP11 di JPM dan Pelbagai Kementerian dihadiri seramai 30 peserta diadakan pada 01 September 2022



BULETIN ILKEM EDISI 3/2022

Peperiksaan perkhidmatan pengawal keselamatan gred Kp 11 di JPM dan pelbagai jabatan seramai 88 orang calon pada 6 September 2022




SESI LIBAT URUS DIANTARA YBRS. TUAN RAHIMI BIN ISMAIL, KETUA PENGARAH KESELAMATAN KERAJAAN BERSAMA PEGAWAI KADER SKIM KP W.P. KUALA LUMPUR DAN PUTRAJAYA

Satu Sesi Libat Urus Diantara Pegawai Kader Bersama YBrs. Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan iaitu Tuan Rahimi bin Ismail. Sesi libat urus ini telah dianjurkan oleh Pejabat CGSO Kuala Lumpur dengan dihadiri oleh wakil-wakil dari pegawai kader CGSO seramai 98 orang dari seluruh W.P. Kuala Lumpur dan Putrajaya yang berlangsung pada 13 September 2022. Antara isu yang dibincangkan adalah kebaikan pegawai serta anggota kader CGSO, isu penjawatan, pakaian operasi dan juga penglibatan anggota kader melalui kursus serta perbincangan bersama pihak pengurusan tertinggi CGSO. Ibu pejabat CGSO sentiasa menyambut baik segala cadangan dan syor dari pihak anggota kader dari semasa ke semasa.



BULETIN ILKEM EDISI 3/2022

Peperiksaan Perkhidmatan Penolong Pegawai Keselamatan Gred KP29 di JPM dan pelbagai jabatan seramai 5 orang calon pada 29 September 2022



**Institut Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia
Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia
Jabatan Perdana Menteri**

Persiaran Timur 3
Bandar Enstek
71760 Bandar Baru Enstek
Negeri Sembilan

No.Telefon : 06-799 3301
No. Faksimili : 06-799 4667

www.cgso.gov.my